

# Kementerian mahu ruang campur tangan atasi isu seksual kanak-kanak

Rang Undang-Undang Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 akan dibentang ke Dewan Rakyat untuk bacaan kali pertama, minggu depan. Ini susulan pengumuman Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, baru-baru ini mengenai undang-undang baharu menangani kesalahan jenayah seksual kanak-kanak yang perlu diwujudkan. Ini adalah khabar buat negara dan dunia yang sedang berjuang melindungi anak kecil tidak berdosa daripada perbuatan keji individu tidak bertanggungjawab.

**Wartawan BH, NOR AFZAN MOHAMAD YUSOF dan MAHANI ISHAK menemubual Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Rohani Abdul Karim mengenai isu ini.**

**S:** Seminar bertemakan 'Jenayah Seksual Kanak-kanak: Herotan' minggu lalu antara lain menetapkan saranan supaya kumpulan teras dalam masyarakat khususnya ibu bapa, memainkan peranan lebih penting, tetapi sejauh mana kesedaran golongan ini untuk menangani isu berkualiti?

**J:** Pengumuman Perdana Menteri itu, selaras hasrat kerajaan menyertai Konvensyen Mengenai Jenayah Siber yang menetapkan pornografi kanak-kanak sebagai kesalahan. Justeru, kumpulan teras seperti badan profesional penyediaan, agensi kerajaan, dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) perlu bekerjasama bukan saja membangunkan kesedaran dalam kalangan ibu bapa dan masyarakat menangani jenayah itu, lebih mustahak lagi membina kesedaran umum mengenai isu ini. Masyarakat perlu faham, kita membuat undang-undang dan akta untuk melindungi kanak-kanak dan memberi hukuman kepada pelaku kerana perbuatan itu adalah jenayah yang perlu dihentikan.

**S:** Pedofili Britain, Richard Hucke yang mendera 200 kanak-kanak Malaysia seawal usia enam bulan secara seksual selama hampir sedekad antara insiden mencalarkan imej negara. Adakah akta berkenaan, antara usaha membersihkan imej?

**J:** Tidak saya nafikan apabila kes itu mendapat liputan antarabangsa, kita terima tempasiannya. Dan barangkali pedofilia mula tumpuan perhatian kepada Malaysia. Ada yang menuduh kita tidak cekap. Begitu pun, saya bersyukur dengan penangkapan itu. Dalam menangani hal ini, usaha semua pihak termasuk dari negara luar amat diperlukan kerana penjenayah seperti Hucke melakukan kerja dengan licik, bukan mudah daripada mangsa. Pada sisi lain, ia menunjukkan kesedaran umum mengenai jenayah ini masih tidak mencukupi kerana penjenayah sangat licik. Sebelum Hucke ditangkap, tiada seorang mangsa yang berani membuka mulut. Tiga tahun lalu juga, kita dikejutkan dengan berita mengenai pelajar Malaysia di Britain, Nur Fitri Azmeer Nordin yang didapati bersalah kerana memiliki lebih 30,000 video dan gambar pornografi kanak-kanak. Tetapi dalam kes ini, pihak



Rohani Abdul Karim

terabit melarang kita memberi kaunseling kepada pelaku. Ini menunjukkan kesedaran ibu bapa dan komuniti mengenai jenayah seksual membabitkan kanak-kanak amat tipis, sedangkan dengan bantuan dan terapi, mangsa boleh dibantu.

**S:** Jenayah ini jelas menunjukkan ia berlaku tanpa sempadan geometri?

**J:** Tepat sekali. Itulah sebabnya amat penting bagi pihak berkuasa yang berkaitan di semua negara berkongsi keparakan dan hasil risikan mengenai pedofilia. Tanpa perkongsian maklumat, usaha menangkap penjenayah dan memberi bantuan kepada mangsa akan terbantut. Jika banyak negara boleh berkongsi risikan mengenai aktiviti keganasan dan jenayah rentas sempadan, tentunya tiada masalah berkongsi maklumat mengenai pedofilia, terutama dengan negara yang mempunyai hubungan dua hala seperti Britain dan Malaysia.

**S:** Memerisi insiden berkenaan, adakah ia membuktikan masyarakat tidak memandang serius isu ini?

**J:** Kementerian kami antara lain diwujudkan, bertujuan membantu dan melindungi keluarga mangsa. Kami melakukan pelbagai usaha sama dengan NGO dan pihak swasta dalam membangunkan kesedaran masyarakat mengenainya. Tetapi saya kira ia belum mencukupi dalam memberi kesedaran kepada ibu bapa dan

komuniti mengenai hal ini. Baru-baru ini, seorang bayi berusia enam bulan dirogol bapa sendiri. Bayi itu ada dalam jagaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetapi dalam perkembangan terkini, saya difahamkan ibu bayi itu mahu menarik balik tuduhan. Dalam akta terbaru ini, saya berharap ada ruang kepada kementerian masuk campur. Walaupun anak adalah di bawah tanggungjawab ibu bapa, kita tidak mahu ibu atau orang terdekat dengan mangsa tidak mahu membuat laporan semata-mata melindungi suami atau pelaku atau atas alasan malu.

**S:** Datuk Seri, banyak jenayah seksual dilaporkan berlaku di luar bandar dan memerusi medium internet yang mungkin tidak begitu difahami masyarakat. Adakah kita masih tidak terbuka berbicara mengenai jenayah seksual?

**J:** Isu seksual yang dianggap 'taboo', tidak lagi sesuai kerana dunia internet sangat terbuka dan boleh jadi 'keterbukaan' internet itu, menyebabkan banyak maklumat tidak tepat diperolehi masyarakat kita. Bagi pelaku yang ada 'penyakit' ini, mereka akan 'mengalir' segala maklumat mengenainya. Kita sebagai masyarakat perlu menjadi mata dan telinga kepada isu ini. Pada saya, perumpamaan 'jangan jaga tepi kain orang', tidak lagi tepat. Dengan maklumat yang kita peroleh berhubung salah laku individu lain, mungkin dapat membantu anak kecil daripada menjadi mangsa dan pada masa sama membantu mangsa kerana kecenderungan minat suatu penyakit yang boleh diubati. Banyak cara aduan boleh dilakukan, antaranya menghubungi Talian Kasih kami di 15999.

**S:** Pada pandangan Datuk Seri, negara manakah yang berjaya menangani jenayah seksual kanak-kanak, secara baik yang harus dijadikan contoh?

**J:** Saya kira negara yang memiliki cara tangani jenayah terbaik ialah United Kingdom (UK). Semua komuniti berkaitan antara satu lain, daripada ibu bapa hinggalah kepada masyarakat. Dengan kata lain, kalau ada satu keluarga berhadapan jenayah itu, ibu bapa mangsa diberikan sokongan dan dorongan, bukannya diinalukan. Mereka ketepikan reputasi demi melindungi kanak-kanak terabit.

## Info

### Jenayah seksual kanak-kanak

→ Bagi tempoh 2010 hingga 2016, sebanyak 6,813 kes keganasan seksual dilaporkan

masing-masing: 66 kanak lelaki dan 871 kanak-kanak perempuan (2010), 35 kanak-kanak lelaki dan 789 kanak-kanak perempuan (2011), 55 kanak-kanak lelaki dan 908 kanak-kanak perempuan (2012), 64 kanak-kanak lelaki dan 1,029 kanak-kanak perempuan (2013), 60 kanak-kanak lelaki 924 kanak-kanak perempuan (2014), 57 kanak-kanak lelaki dan 921 kanak-kanak perempuan (2015) dan 56 kanak-kanak lelaki dan 978 kanak-kanak perempuan (2016).

→ Statistik Polis Diraja Malaysia bagi tempoh 2015 dan 2016 pula, menunjukkan 2,759 kes rogol, 412 kes sumbang mahram, 1,423 kes cabul lehornatan dan 422 kes luar tabii membabitkan mangsa di bawah umur 18 tahun dilaporkan.